

Headline	Sapura elak ulangi kesilapan sama		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	263 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,458		



## Sapura elak ulangi kesilapan sama

SAPURA mahu menebus kekecewaan gagal meraih kejuaraan Liga Premier dengan mara ke final Piala TNB Hoki Malaysia sekaligus memenangi piala berprestij itu.

Bagaimanapun, skuad bimbingan Yahya Atan itu berdepan tugas getir apabila diundi bertemu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pada saingan separuh akhir yang berlangsung secara timbal balik bermula, hari ini.

Rekod dua perlawanan liga bertemu KLHC menyeksikan tidak memihak kepada Sapura apabila tewas kedua-dua perlawanan itu.

Namun Yahya berharap segala kesilapan yang dilakukan barisan pemainnya dalam kedua-dua perlawanan itu dapat diatasi apabila bertemu KLHC pada saingan separuh akhir nanti.

**“ Saya berharap segala kelemahan dan kesilapan tidak diulangi lagi. Sasaran saya ialah sudah pasti mahu menempah tempat ke final terlebih dulu.” - Yahya**

“Barisan pemain melakukan banyak kesilapan terutamanya memberikan pukulan sudut penalti semasa kedua-dua perlawanan itu.

“Saya berharap segala kelemahan dan kesilapan tidak diulangi lagi. Sasaran saya ialah sudah pasti mahu menempah tempat ke final terlebih dulu.

“Kami sudah memenangi satu piala (Tan Sri P Alagendra), tapi kalau ada rezeki kami juga mahu cuba

### PIALA TNB

■ SEPARUH AKHIR PERTAMA

HARI INI

THT *hwn* Maybank, 6 ptg  
Sapura *hwn* KLHC, 8 mlm

(Stadium KLHA)

memenangi satu piala lagi,” katanya.

Sementara itu, pengurus KLHC, Ahmad Anuar Sham Kamar berkata, walaupun pemainnya mencatat kemenangan dalam kedua-dua pertemuan di saingan liga, beliau tetap berpendapat Sapura lawan yang cukup sukar.

“Dua pasukan utama iaitu THT (Kelab Hoki Terengganu) dan Sapura sememangnya antara pasukan kuat pada saingan liga.

“Saya jangkakan satu perlawanan yang sengit apabila kami bertemu Sapura di separuh akhir nanti,” katanya.



Yahya (kanan) dan Ahmad Anuar (kiri) serta Pengurus Maybank, Prem Kumar, jurulatih THT, Sarjit Singh bersama trofi TNB ketika undian separuh akhir, semalam.